

24 AUG 1998

MAHATHIR-KEMBARA/I

PM LANCAR PERODUA KEMBARA

KUALA LUMPUR, 24 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan kenderaan pacuan empat roda (4x4) nasional yang pertama Malaysia, Perodua Kembara.

Kembara adalah kenderaan utiliti sukan pelbagai guna yang menggabungkan kelebihan gaya dan rekreasi kenderaan 4x4 sukan/utiliti dengan pengendalian dan keselesaan kereta penumpang.

Kenderaan itu, yang dikeluarkan oleh pembuat kereta nasional kedua Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (Perodua), menawarkan semangat yang bertenaga dan juga kesenangan yang hebat bagi kegunaan di sekitar bandar.

Sejak penubuhannya pada 1994, Perodua telah memperkenalkan dua model ke pasaran, iaitu Kancil dan Rusa. Kedua-duanya telah menerima sambutan yang hebat.

Kembara muncul dalam tiga variasi, EX, GX dan EZ, dengan harga di atas jalan pada kadar di antara RM45,898.00 kepada RM52,276.19.

Pacuan 4 roda itu adalah model Perodua pertama menggunakan logo korporat barunya, yang merupakan perubahan syarikat itu daripada sebuah pengeluar kereta domestik kepada pengeluar dengan cita-cita ke pasaran antarabangsa.

Dr Mahathir turut melancarkan logo korporat baru dan menyaksikan penyampaian sijil ISO 9001 kepada pengarah urusan Perodua Datuk Abdul Rahman Omar daripada ketua pegawai eksekutif agensi persijilan kenderaan dari United Kingdom, Derek Harvey.

Pengiktirafan ISO 9001 itu diberikan bagi reka bentuk dalaman dan luaran alat-alat dan aksesori bagi kenderaan bermotor Perodua dan adalah yang pertama sepertinya diberikan kepada pengeluar kereta penumpang dan van utiliti di Malaysia. -- BERNAMA

AD MR OS